



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 (70)

Tarikh : 25 MAC 2022

MAJLIS PELANCARAN PASAR PJ KITA @ SRI DAMANSARA

Dalam usaha untuk merencanakan semula ekonomi setempat, pengurusan bandar raya Petaling Jaya harus disusun supaya pemulihan ekonomi dan kesejahteraan kehidupan masyarakat lebih teratur menuju matlamatnya. Peralihan fasa pandemik kepada endemik memerlukan pengurusan bandar yang lebih berdayatahan dan menyeluruh perlu dilaksanakan.

Selaras dengan matlamat tersebut, perancangan pembangunan mampan untuk satu tempoh jangka masa panjang telah disediakan iaitu "Petaling Jaya Pintar, Mampan Dan Berdayatahan 2030 (PJSSR 2030)". Majlis Bandaraya Petaling Jaya berhasrat menjadikan bandar raya dirancang sebagai "A Next Generation City" yang inklusif, terhubung, *collaborative*, berekologi, sihat, dinamik, berteknologi digital dan menjadi bandar raya *resilient* yang berkebolehan menguruskan kemampuannya bagi mendepani gangguan dan kejutan terhadap alam sekitar, komuniti dan ekonomi.

Pengurusan bandar raya Petaling Jaya akan menumpu kepada pembangunan semula kehidupan golongan miskin bandar, menggerak inisiatif keusahawanan, menyusun semula tenaga kerja Majlis menuju digitalisasi dan pelbagai lagi. Di bawah PJSSR 2030, Majlis telah menetapkan **10 thematic project** yang meliputi **smart city, inclusive city, low carbon city, child friendly city, learning city, economical vibrant city, circular economy city, society 5.0 city, safe & resilient city** dan **e-governance city**

Ke arah merencanakan ekonomi perbandaran di bawah **thematic economical vibrant city**, beberapa fokus utama akan diberi perhatian termasuklah pelaksanaan *urban regeneration*, menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negara, pembangunan sektor pelancongan, membangunkan usahawan dalam sektor informal dan menyediakan pusat ekonomi setempat yang lengkap dan sempurna seperti bangunan **Pasar PJKITA @ Sri Damansara**.

Bangunan Pasar PJKITA @ Sri Damansara merupakan pasar awam yang ke-9 di Petaling Jaya, namun ia merupakan projek pasar dan medan selera awam pertama yang menggunakan pendekatan yang lebih moden, inklusif dan kondusif selari dengan penjenamaan PJKITA yang dilancarkan oleh Majlis pada 2016. Majlis telah menggunakan konsep PJKITA bagi memberi nafas baru dalam pembangunan pasar awam melalui penyediaan infrastruktur dan kemudahan pasar yang lebih mesra OKU, teratur, bersistematik dan selesa.



Selain itu, bangunan pasar ini juga **mengintegrasikan komponen bangunan hijau** seperti **Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPA) dan penyediaan grease trap** untuk membolehkan sisa-sisa buangan seperti minyak dapat diproses dengan lebih baik dan tidak dibuang terus ke parit / longkang di sekeliling pasar. Turut disediakan **pusat kitar semula** bagi menggalakkan aktiviti *Circular Economy* di kalangan para peniaga dan penduduk setempat.

Pembinaan bangunan Pasar PJKITA @ Sri Damansara telah bermula pada 1 Ogos 2018 dan baru sahaja disiapkan pada 23 Mac 2022 dengan perbelanjaan **kos pembinaan sebanyak RM 5.9 Juta**.

Bangunan pasar ini dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan seperti berikut:

- 48 lot gerai pasar basah dan kering di aras bawah (keluasan 150 kaki persegi setiap unit)
- 18 unit medan selera yang berkeluasan 150 kaki persegi bagi setiap unit di aras 1
- 9 unit gerai pelbagai yang setiap satunya berkeluasan 200 kaki persegi
- 1 unit pejabat pengurusan MBPJ
- Kemudahan asas seperti lif, tandas dan surau untuk lelaki dan perempuan

Memahami keadaan semasa para peniaga yang terkesan akibat Pandemik COVID-19, Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg, Mohamad Azhan bin Md. Amir mengumumkan **pengecualian kadar sewa selama tiga bulan** iaitu **mulai bulan April hingga Jun 2022** kepada peniaga di Pasar PJKITA @ Sri Damansara.

Majlis turut membuat perancangan pada tahun ini untuk membangunkan dan menaiktaraf beberapa lagi pasar dan medan selera di sekitar Petaling Jaya iaitu:

- Kompleks Pembangunan Usahawan Di Jalan Cecawi 6/19A, Kota Damansara (kos: RM 3.7 Juta)
- Kompleks Pembangunan Usahawan Di Persiaran Cempaka, Bandar Sri Damansara (kos: RM 300.000)
- Menaiktaraf Tapak Pasar Malam Dan Pagi di PJS 2D, Petaling Jaya
- Menaiktaraf Gerai D'selera PJS 6/15, Petaling Jaya

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat

Majlis Bandaraya Petaling Jaya